

23/10/1997

Bersatu tangani pengkhianat ekonomi

KETIKA menutup konvensyen Umno-Barisan Nasional Kelantan, di Cherang Ruku, akhir Ogos lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan menyiasat beberapa institusi kewangan tempatan kerana membantu spekulator dengan meminjamkan skrip saham kepada mereka untuk memanipulasi harga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Sambil menyifatkan mereka sebagai pengkhianat ekonomi negara, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan mulai tarikh itu mungkin menarik balik lesen dan menggantung operasi institusi kewangan yang dikenal pasti terbabit. Namun Perdana Menteri menjelaskan, tindakan itu hanya membabitkan urusan yang berlaku selepas amaran itu. Tindakan institusi berkenaan sebelumnya tidak diambil kira. Jika selepas amaran itu mereka tetap meneruskannya, umpamanya memberi pinjaman saham yang dijual berkali-kali, kerajaan pasti mengambil tindakan tegas.

Sehari sebelum di Kelantan itu, di Kuala Lumpur, Perdana Menteri mendedahkan ada bank tempatan tertentu menjadi dalang membantu spekulator asing menekan harga dengan memberi jaminan penjelasan sijil bagi urusan niaga saham yang dibuat. Kerajaan juga mengarahkan bank tempatan menghentikan jaminan pinjaman sekuriti kepada spekulator, bertujuan menyekat dana asing daripada terus menyerang untuk menjatuhkan harga di BSKL.

Walaupun ketika itu Perdana Menteri tidak pernah menyebut orang perseorangan yang terbabit, pelbagai cerita kita dengar mengaitkan pihak tertentu terutama tokoh korporat yang memiliki kepentingan besar dalam beberapa institusi kewangan. Bagaimanapun, sehingga ini tiada sebarang tindakan atau bukti dikemukakan untuk mereka dikenakan tindakan. Barangkali selepas amaran Dr Mahathir itu, tiada lagi yang berani berbuat demikian. Ataupun mungkin dalam keadaan kegawatan sekarang, tindakan sedemikian boleh memburukkan lagi kepayahan ekonomi negara yang kita alami terutama jika ia digembar-gemburkan oleh media massa asing yang menunggu masa saja untuk memperkecilkan kebijaksanaan kita menangani masalah itu. Apapun, label 'pengkhianat ekonomi negara' yang digunakan oleh Perdana Menteri itu, jelas menggambarkan perbuatan 'talam dua muka' dan 'menikam dari belakang' kepemimpinan tertinggi negara oleh warga korporat tertentu seperti yang disebut oleh Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad di Dewan Rakyat kelmarin. Inilah lumrahnya kehidupan. Demi melindungi kepentingan diri sendiri, tidak kira siapa, sama ada berstatus tinggi, dihormati ramai, manusia sanggup bermuka-muka untuk mencapai impian dan hajatnya. Hal ini tidak terkecuali di kalangan warga korporat kita sendiri. Kata-kata manis mereka di depan, juga boleh menjadi racun di belakang. Disebabkan sifat tamak-haloba, mereka mudah mengubah semangat patriotisme dan sayang kepada negara semata-mata untuk mengisi kantung sendiri.

Walaupun Ruhanie tidak mengemukakan bukti sahih di dalam dewan yang mulia itu siapa yang terbabit tetapi sekadar memberitahu beliau tahu wujud kepura-puraan di kalangan sesetengah warga korporat, kita yakin memang ada berlaku. Lantaran itu, kita berharap jika benar mereka terbabit secara langsung atau sebaliknya, warga korporat berkenaan sepatutnya insaf segala keuntungan yang diperolehi selama ini adalah hasil perjuangan kerajaan dan pengorbanan rakyat. Kita sedar sebagai sebuah entiti perniagaan terutama di kalangan korporat yang memilik syarikat awam yang disenaraikan, mereka bertanggungjawab untuk memastikan pemegang saham mereka mendapat pulangan yang sebaik-baiknya. Bagaimanapun, kita berpendapat adalah wajar pulangan

yang diperolehi itu dibuat menerusi saluran perniagaan yang berhemah, bukannya menanggung di air yang keruh. Besar manapun tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh warga korporat bagi menjamin kepentingan pemegang saham mereka, rasanya besar lagi tanggungjawab sosial mereka terhadap rakyat dan negara.

Kalangan warga korporat sudah pun menyatakan sokongan jitu mereka kepada Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan yang melanda negara. Kita percaya sebagai pemimpin yang memperjuangkan kepentingan rakyat dalam ada keadaan sekalipun, Dr Mahathir dan timbalannya tidak akan berdiam diri menentang sebarang tekanan terhadap ekonomi Malaysia. Justeru, dengan sokongan semua pihak, mereka merancang menyelamatkan ekonomi negara. Namun menjayakan sesuatu perjuangan, kita perlu kepada perpaduan. Jika semua berdiri teguh di belakang kerajaan, sanggup menderita dan berkorban tanpa mendahulukan kepentingan sendiri, insya-Allah kita boleh berjaya.

(END)